



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 23

9hb November 2017

TAMBAHAN No. 139
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 341.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

**KAEDAH-KAEDAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (CAJ PEMAJUAN)
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Menteri Wilayah Persekutuan membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perancangan Bandar dan Desa (Caj Pemajuan) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2017**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2017.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, "Perbadanan" ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*].

Caj pemajuan

3. (1) Tertakluk kepada subseksyen 32(1) Akta, Perbadanan boleh melevi caj pemajuan berkenaan dengan mana-mana pemajuan tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya mengikut kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Caj pemajuan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dilevi terhadap pemohon bagi kebenaran merancang bagi pemajuan tanah itu.

(3) Sebelum melevi apa-apa caj pemajuan di bawah subkaedah (1), Perbadanan hendaklah memastikan bahawa suatu rancangan tempatan bagi kawasannya telah diluluskan dan disiarkan dalam *Warta* mengikut subseksyen 15(4) Akta, yang mana rancangan tempatan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berhubung dengan penggunaan, ketumpatan dan luas lantai berkenaan dengan tanah dalam kawasan itu.

(4) Perbadanan hendaklah memberitahu pemohon bagi kebenaran merancang itu mengenai amaun caj pembangunan yang kena dibayar oleh pemohon itu dengan menyampaikan notis dalam Borang A Jadual Kedua kepada pemohon itu.

Pembayaran caj pemajuan

4. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pemohon bagi kebenaran merancang hendaklah membayar caj pemajuan yang kena dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam notis dalam Borang A Jadual Kedua kepada Perbadanan sekali gus dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika amaun caj pemajuan yang kena dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam notis dalam Borang A Jadual Kedua adalah lebih daripada satu ratus ribu ringgit, pemohon bagi kebenaran merancang boleh memohon kepada Perbadanan bagi kebenaran untuk membayar caj pembangunan itu secara ansuran.

(3) Permohonan bagi kebenaran untuk membayar caj pembangunan secara ansuran yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah dibuat oleh pemohon bagi kebenaran merancang dengan mengemukakan suatu permohonan dalam Borang B Jadual Kedua kepada Perbadanan sebelum tempoh pembayaran caj pembangunan yang dinyatakan dalam notis dalam Borang A Jadual Kedua tamat.

(4) Setelah menerima permohonan di bawah subkaedah (3), Perbadanan boleh—

- (a) membenarkan permohonan itu dengan menyampaikan kepada pemohon bagi kebenaran merancang itu suatu notis dalam Borang C Jadual Kedua yang menyatakan tempoh pembayaran caj pembangunan itu; atau
- (b) menolak permohonan itu dengan menyampaikan kepada pemohon bagi kebenaran merancang itu suatu notis dalam Borang D Jadual Kedua.

(5) Pemohon bagi kebenaran merancang yang dibenarkan untuk membayar caj pembangunan yang kena dibayar secara ansuran hendaklah membayar caj pembangunan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis dalam Borang C Jadual Kedua.

(6) Jika pemohon bagi kebenaran merancang yang dibenarkan untuk membayar caj pemajuan yang kena dibayar secara ansuran tidak membuat pembayaran itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis dalam Borang C Jadual Kedua, Perbadanan hendaklah menyampaikan kepada pemohon itu, suatu notis dalam Borang E Jadual Kedua yang menuntut agar pembayaran caj pembangunan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

Pemberian kebenaran merancang

5. Perbadanan tidak boleh memberi kebenaran merancang kepada mana-mana pemohon bagi kebenaran merancang jika pembayaran caj pembangunan yang kena dibayar oleh pemohon itu tidak dibuat mengikut Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

[subkaedah 3(1)]

KADAR CAJ PEMAJUAN

1. Berhubung dengan perubahan penggunaan tanah—

(a) kadarnya adalah seperti yang berikut:

$40\% \times \text{kenaikan nilai tanah (RM}y\text{)}$
--

(b) cara pengiraannya adalah seperti yang berikut:

Perubahan penggunaan tanah dengan rancangan tempatan

(i) nilai tanah berdasarkan penggunaan tanah yang dinyatakan dalam dokumen hakmilik keluaran	RM w
(ii) nilai tanah berdasarkan rancangan pemajuan dalam rancangan tempatan	RM x
(iii) kenaikan nilai tanah	$RMx - RMw = RMy$
(iv) amaun caj pemajuan yang kena dibayar	$40\% \times RMy = RMz$

2. Berhubung dengan perubahan ketumpatan—

(a) kadarnya adalah seperti yang berikut:

$40\% \times \text{kenaikan nilai tanah (RM}y\text{)}$
--

(b) cara pengiraannya adalah seperti yang berikut:

Perubahan ketumpatan dengan pindaan kepada rancangan tempatan

(i) nilai tanah berdasarkan ketumpatan yang dinyatakan dalam rancangan pemajuan yang dibenarkan dalam rancangan tempatan terdahulu	RM w
--	--------

(ii) nilai tanah berdasarkan ketumpatan sebagaimana yang dinyatakan dalam rancangan pemajuan sebagaimana yang dibenarkan dalam rancangan tempatan baharu	RM _x
(iii) kenaikan nilai tanah	RM _x - RM _w = RM _y
(iv) amaun caj pemajuan yang kena dibayar	40% × RM _y = RM _z

3. Berhubung dengan perubahan luas lantai—

(a) kadarnya adalah seperti yang berikut:

$40\% \times \text{kenaikan nilai tanah (RM}_y\text{)}$

(b) cara pengiraannya adalah seperti yang berikut:

Perubahan luas lantai dengan pindaan kepada rancangan tempatan

(i) nilai tanah berdasarkan luas lantai sebagaimana yang dinyatakan dalam rancangan pemajuan sebagaimana yang dibenarkan dalam rancangan tempatan terdahulu	RM _w
(ii) nilai tanah berdasarkan luas lantai yang dinyatakan dalam rancangan pemajuan sebagaimana yang dibenarkan dalam rancangan tempatan baharu	RM _x
(iii) kenaikan nilai tanah	RM _x - RM _w = RM _y
(iv) amaun caj pemajuan yang kena dibayar	40% × RM _y = RM _z

JADUAL KEDUA

BORANG A
[subkaedah 3(3)]

NOTIS CAJ PEMAJUAN

No. Rujukan:

Kepada:

.....
.....
.....

(Pemohon kebenaran merancang)

AMBIL PERHATIAN bahawa Perbadanan Putrajaya telah menimbangkan permohonan kebenaran merancang tuan dengan No. Rujukan bagi pemajuan di atas lot hartanah, Mukim, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan mendapati bahawa tuan hendaklah membayar caj pemajuan mengikut seksyen 32 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Caj pemajuan dilevi atas kenaikan nilai tanah disebabkan perubahan *penggunaan tanah/ ketumpatan/luas lantai dalam Rancangan Tempatan Perbadanan Putrajaya dengan ini menetapkan bahawa amaun caj pemajuan yang kena dibayar berkenaan dengan pemajuan ini ialah RM

Tuan dengan ini dikehendaki membayar caj pemajuan sebagaimana yang telah ditetapkan kepada Perbadanan Putrajaya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini disampaikan.

AMBIL PERHATIAN bahawa sekiranya caj pemajuan tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan di atas, Perbadanan Putrajaya tidak boleh memberi kebenaran merancang mengikut perenggan 22(4)(b) Akta 172.

Tarikh: METERAI:
Nama dan tandatangan orang diberi kuasa

* Potong mana yang tidak berkenaan

Nota:

1. Tuan boleh mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Putrajaya bagi kebenaran untuk membayar caj pemajuan secara ansuran menurut subseksyen 34(1) Akta 172.
2. Pembayaran caj pemajuan secara ansuran hanya boleh dibenarkan jika amaun caj pemajuan adalah lebih daripada satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00).
3. Permohonan bagi kebenaran untuk membayar caj pemajuan secara ansuran hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kedua sebelum tempoh pembayaran yang dinyatakan dalam notis ini tamat.

BORANG B
[perenggan 3(3)]

**PERMOHONAN BAGI KEBENARAN UNTUK MEMBAYAR CAJ
PEMAJUAN SECARA ANSURAN**

No. Rujukan:

Kepada:

Perbadanan Putrajaya

*Saya/Kami
(Pemohon kebenaran merancang)

beralamat di

*No. KP/No. Pendaftaran Syarikat

dengan ini memohon untuk membuat pembayaran caj pemajuan secara ansuran berkenaan dengan permohonan kebenaran merancang dengan No. Rujukan

berhubung dengan pemajuan yang dirancangkan di atas lot hartanah

Mukim, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

*Saya/ Kami membuat permohonan ini atas sebab yang berikut:

.....

.....

.....

.....

Tarikh: Tandatangan pemohon

*Potong mana yang tidak berkenaan

Nota:

1. Pembayaran caj pemajuan secara ansuran hanya dibenarkan jika amaun caj pemajuan adalah lebih daripada satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00).
2. Permohonan bagi kebenaran untuk membayar caj pemajuan secara ansuran hendaklah dibuat sebelum tempoh pembayaran caj pemajuan yang dinyatakan dalam notis dalam Borang A Jadual Kedua tamat.

BORANG C
[perenggan 4(4)(a)]

KEBENARAN UNTUK MEMBAYAR CAJ PEMAJUAN SECARA ANSURAN

No. Rujukan:

Kepada:

.....

.....

.....

(Pemohon kebenaran merancang)

Perbadanan Putrajaya, setelah menimbang permohonan tuan, dengan ini memberi kebenaran untuk pembayaran caj pemajuan secara ansuran kepada

..... (Pemohon)

berkenaan dengan pemajuan

.....

Pembayaran caj pemajuan berjumlah RM hendaklah dibuat secara ansuran seperti yang berikut:

Ansuran	Caj pemajuan ≤ RM200,000.00	Caj pemajuan >RM200,000.00	Tarikh/Tempoh pembayaran
Ansuran pertama (sebelum borang kebenaran merancang dikeluarkan)	RM100,000.00	50% daripada amaun caj pemajuan = RM

<i>Ansuran</i>	<i>Caj pemajuan ≤ RM200,000.00</i>	<i>Caj pemajuan >RM200,000.00</i>	<i>Tarikh/Tempoh pembayaran</i>
Ansuran kedua (selepas tiga bulan dari ansuran pertama)	50% daripada baki amaun caj pemajuan = RM.....	25% daripada amaun caj pemajuan =RM
Ansuran ketiga (selepas tiga bulan dari ansuran kedua)	50% daripada baki amaun caj pemajuan = RM.....	25% daripada amaun caj pemajuan =RM

Nota:

Bayaran caj pemajuan secara ansuran yang tersebut hendaklah dibayar kepada Perbadanan Putrajaya dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Tarikh:

METERAI:

Nama dan tandatangan orang diberi kuasa

BORANG D
[perenggan 4(4)(b)]

**PENOLAKAN PERMOHONAN BAGI KEBENARAN UNTUK MEMBAYAR CAJ
PEMAJUAN SECARA ANSURAN**

No. Rujukan:

Kepada:

.....
.....
.....
(Pemohon kebenaran merancang)

Perbadanan Putrajaya, setelah menimbang permohonan tuan, dengan ini menolak permohonan bagi kebenaran untuk membayar caj pemajuan secara ansuran berkenaan dengan pemajuan

Dengan ini, tuan dikehendaki membayar sekali gus caj pemajuan yang amaunnya RM..... kepada Perbadanan Putrajaya dalam tempoh hari dari tarikh penyampaian borang ini.

AMBIL PERHATIAN sekiranya caj pemajuan tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan di atas, Perbadanan Putrajaya tidak boleh memberi kebenaran merancang mengikut perenggan 22(4)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Tarikh:

.....
Nama dan tandatangan orang diberi kuasa

BORANG E
[subkaedah 4(6)]

NOTIS KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN CAJ PEMAJUAN SECARA ANSURAN

No. Rujukan:

Kepada:

.....
.....
.....

(Pemohon kebenaran merancang)

BAHAWASANYA melalui notis dengan No. Rujukan, Perbadanan Putrajaya menghendaki tuan untuk membayar ansuran caj pemajuan *pertama/ kedua/..... dalam tempoh pembayaran yang dinyatakan, namun tuan tidak membayar ansuran caj pemajuan tersebut.

DAN BAHAWASANYA menurut budi bicara Perbadanan Putrajaya, tuan dibenarkan menjelaskan ansuran caj pemajuan tersebut seperti yang berikut:

<i>Ansuran</i>	<i>Jumlah yang kena dibayar (RM)</i>	<i>Tarikh/Tempoh pembayaran</i>
Ansuran
Ansuran

Dengan ini, tempoh pembayaran ansuran caj pemajuan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis dengan No. Rujukan adalah terbatal.

AMBIL PERHATIAN bahawa menurut subseksyen 34(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], kegagalan untuk membuat pembayaran secara ansuran tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan dalam notis ini akan menyebabkan kesemua baki caj pemajuan yang kena dibayar menjadi matang secara automatik dan justeru genap masa dan kena dibayar sebelum

Tarikh:

METERAI:

Nama dan tandatangan orang diberi kuasa

**Potong mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 9 November 2017
[KWP(S):24/9/4 Jld. 5(10); PN(PU2)333/IV]

DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976**TOWN AND COUNTRY PLANNING (DEVELOPMENT CHARGE)
(FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) RULES 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the Minister of Federal Territories makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Town and Country Planning (Development Charge) (Federal Territory of Putrajaya) Rules 2017**.

(2) These Rules come into operation on 15 November 2017.

Interpretation

2. In these Rules, "Perbadanan" means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536].

Development charge

3. (1) Subject to subsection 32(1) of the Act, the Perbadanan may levy a development charge in respect of any development of land in the Federal Territory of Putrajaya in accordance with the rates as specified in the First Schedule.

(2) The development charge referred to in subrule (1) shall be levied on the applicant for planning permission for the development of the land.

(3) Before levying any development charge under subrule (1), the Perbadanan shall ensure that a local plan for its area has been approved and published in the *Gazette* in accordance with subsection 15(4) of the Act, in which the local plan shall contain information in relation to the use of, density and floor area in respect of the land in its area.

(4) The Perbadanan shall inform the applicant for the planning permission the amount of development charge payable by the applicant by serving a notice in Form A of the Second Schedule on the applicant.

Payment of development charge

4. (1) Subject to subrule (2), an applicant for planning permission shall pay the development charge payable as specified in the notice in Form A of the Second Schedule to the Perbadanan in lump sum within the period specified in the notice.

(2) Notwithstanding subrule (1), if the amount of the development charge payable as specified in the notice in Form A of the Second Schedule is more than one hundred thousand ringgit, the applicant for planning permission may apply to the Perbadanan for the permission to pay the development charge by instalments.

(3) The application for the permission to pay the development charge by instalments referred to in subrule (2) shall be made by the applicant for planning permission by submitting an application in Form B of the Second Schedule to the Perbadanan before the period of payment of the development charge as specified in the notice in Form A of the Second Schedule expires.

(4) Upon receipt of the application under subrule (3), the Perbadanan may—

- (a) approve the application by serving on the applicant for planning permission a notice in Form C of the Second Schedule specifying the period of the payment of the development charge; or
- (b) refuse the application by serving on the applicant for planning permission a notice in Form D of the Second Schedule.

(5) The applicant for planning permission who is permitted to pay the development charge payable by instalment shall pay such development charge within the period specified in the notice in Form C of the Second Schedule.

(6) If the applicant for planning permission who is permitted to pay the development charge payable by instalments fails to make the payment within the period specified in the notice in Form C of the Second Schedule, the Perbadanan shall serve on the applicant a notice in Form E of the Second Schedule demanding for the payment of the development charge to be made within the period specified in the notice.

Granting of planning permission

5. The Perbadanan shall not grant a planning permission to any applicant for planning permission if the payment of the development charge payable by the applicant is not made in accordance with these Rules.

FIRST SCHEDULE

[subrule 3(1)]

RATES OF DEVELOPMENT CHARGE

1. In relation to the change of use of land—

(a) the rate is as follows:

$40\% \times \text{increase in value of land (RM)y}$
--

(b) the method of calculation is as follows:

Change of use of land with local plan

(i) value of land based on use of land as stated in the issue document of title	RM _w
(ii) value of land based on development plan in the local plan	RM _x
(iii) increase in value of land	RM _x - RM _w = RM _y
(iv) amount of development charge payable	40% × RM _y = RM _z

2. In relation to the change of density—

(a) the rate is as follows:

40% × increase in value of land (RM _y)
--

(b) the method of calculation is as follows:

Change of density with amendment to local plan

(i) value of land based on the density as stated in the development plan as approved in the previous local plan	RM _w
(ii) value of land based on the density as stated in the development plan as approved in the new local plan	RM _x
(iii) increase in value of land	RM _x - RM _w = RM _y
(iv) amount of development charge payable	40% × RM _y = RM _z

3. In relation to the change of floor area—

(a) the rate is as follows:

40% × increase in value of land (RM _y)
--

(b) the method of calculation is as follows:

Change of floor area with amendment to local plan

(i) value of land based on the floor area as stated in the development plan as approved in the previous local plan	RM _w
--	-----------------

(ii) value of land based on the floor area as stated in the development plan as approved in the new local plan	RMx
(iii) increase in value of land	$RMx - RMw = RMy$
(iv) amount of development charge payable	$40\% \times RMy = RMz$

SECOND SCHEDULE

FORM A

[subrule 3(3)]

NOTICE OF DEVELOPMENT CHARGE

Reference No.:

To:

.....

(Applicant for planning permission)

TAKE NOTICE that the Perbadanan Putrajaya has considered your application for planning permission bearing the Reference No.
 for the development of
 on the property lot, Mukim
, Federal Territory of Putrajaya and finds that you shall pay a development charge in accordance with section 32 of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172].

The development charge is levied over the increase in the value of land caused by the change of *use of land/density/floor area in the Local Plan
 The Perbadanan Putrajaya hereby determines that the amount of development charge payable in respect of this development is RM

You are hereby required to pay the development charge as determined to the Perbadanan Putrajaya within the period of one month from the date of service of this notice.

TAKE NOTICE that in the event of failure to pay the development charge within the period stipulated above, the Perbadanan Putrajaya shall not grant planning permission in accordance with paragraph 22(4)(b) of Act 172.

Date:

SEAL:
Name and signature of authorized person

**Delete where not applicable*

Note:

1. You may submit an application to the Perbadanan Putrajaya for the permission to pay the development charge by instalments pursuant to subsection 34(1) of Act 172.
2. The payment of the development charge by instalments may only be permitted if the amount of development charge is more than one hundred thousand ringgit (RM100,000.00).
3. An application for the permission to pay the development charge by instalments shall be made in Form B of the Second Schedule before the payment period specified in this notice expires.

FORM B
[subrule 4(3)]

APPLICATION FOR PERMISSION TO PAY DEVELOPMENT
CHARGE BY INSTALMENTS

Reference No.:

To:

Perbadanan Putrajaya

*I/We
(Applicant for planning permission)

residing at
....., *NRIC/Company No.
..... hereby seek approval to make payment of the development charge by instalments in respect of the application for planning permission bearing the Reference No..... in relation to the development planned on the property lot , Mukim , Federal Territory of Putrajaya.

*I/ We make this application for the following reasons:
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Date:
.....
Signature of applicant

**Delete where not applicable*

Note:

1. The payment of the development charge by instalments may only be permitted if the amount of development charge is more than one hundred thousand ringgit (RM100,000.00).
2. An application for the permission to pay the development charge by instalments shall be made before the payment period of development charge specified in the notice in Form A of the Second Schedule expires.

FORM C
[paragraph 4(4)(a)]

PERMISSION TO PAY DEVELOPMENT CHARGE BY INSTALMENTS

Reference No.:

To:

.....
.....
.....

(Applicant for planning permission)

The Perbadanan Putrajaya, having considered your application, hereby gives permission for the payment of the development charge by instalments to

(Applicant)

in respect of the development of

The development charge amounting to RM shall be made by instalments as follows:

<i>Instalments</i>	<i>Development charge ≤ RM200,000.00</i>	<i>Development charge >RM200,000.00</i>	<i>Date/Payment period</i>
First instalment (before issuance of the planning permission form)	RM100,000.00	50% of the development charge amount = RM
Second instalment (after three months from the first instalment)	50% of the balance of the development charge = RM.....	25% of the development charge amount = RM.....
Third instalment (after three months from the second instalment)	50% of the balance of the development charge = RM.....	25% of the development charge amount = RM.....

Note:

The aforesaid payment of development charge by instalments shall be made to the Perbadanan Putrajaya within the period stipulated above.

Date:

SEAL:
Name and signature of authorized person

FORM D
[paragraph 4(4)(b)]

REFUSAL OF APPLICATION FOR PERMISSION TO PAY
DEVELOPMENT CHARGE BY INSTALMENTS

Reference No.:

To:

.....
.....
.....
(Applicant for planning permission)

The Perbadanan Putrajaya, having considered your application, hereby refuses your application for the permission to pay the development charge by instalments in respect of the development of

As such, you shall pay in lump sum the development charge amounting to RM..... to the Perbadanan Putrajaya within days from the service of this form.

TAKE NOTICE that in the event of failure to pay the development charge within the time stipulated above, the Perbadanan Putrajaya shall not grant planning permission in accordance with paragraph 22(4)(b) of the Town and Country Planning Act 1972 [Act 172].

Date:

.....
Name and signature of authorized person

FORM E
[subrule 4(6)]

DEFAULT NOTICE OF PAYMENT OF DEVELOPMENT CHARGE BY INSTALMENT

Reference No.:

To:

.....
.....
.....
(Applicant for planning permission)

WHEREAS by the notice bearing the Reference No., the Perbadanan Putrajaya requires that you pay for the *first/second/ instalment of the development charge within the stipulated payment period, however you have failed to make such instalment of the development charge.

AND WHEREAS pursuant to the discretion of the Perbadanan Putrajaya, you are allowed to settle the aforesaid instalment of the development charge as follows:

<i>Instalment</i>	<i>Amount payable (RM)</i>	<i>Date/ Payment period</i>
..... instalment
..... instalment

Therefore, the payment period for the instalment of the development charge as specified in the notice bearing the Reference No. is revoked.

TAKE NOTICE that pursuant to subsection 34(3) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], failure to make such payment by instalment according to the period specified in this notice will result in all outstanding development charge due from you to automatically mature and hence due and payable before

Date:

SEAL:
Name and signature of authorized person

* Delete where not applicable

Made 9 November 2017
[KWP(S):24/9/4 Jld. 5(10); PN(PU2)333/IV]

DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Minister of Federal Territories

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolchi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA